

**UCAPAN PERASMIAN
YB DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI PANGLIMA MOHD DUN
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

**PROGRAM *ROADSHOW*
PELAN TINDAKAN PEMERKASAAN IBU TUNGGAL NEGERI SABAH**

BALLROOM WISMA WANITA, KOTA KINABALU, SABAH

**29 MAC 2016 (SELASA)
10.30 PAGI**

[SALUTASI]

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh selamat pagi,
salam sejahtera, salam 1 perpaduan dan salam 1Malaysia.

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya kita dapat berkumpul pada pagi ini untuk bersama-sama bergerak, seiring selangkah dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dalam usaha untuk memperkasakan golongan sasaran kementerian iaitu ibu tunggal.

2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada YB Datuk/Datin/Tuan/Puan, Pengerusi Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK), PERWANI, Badan NGO dan Persatuan Ibu Tunggal daripada Negeri Sabah kerana telah sama-sama meluangkan masa serta memberikan komitmen dan kesungguhan yang tinggi bagi menghadiri *Roadshow* Pelan Tindakan Pemerksaan Ibu Tunggal kita pada hari ini.

Hadirin yang saya hormati,

9. Pada hari ini *team 'Roadshow'* telah sampai ke Sabah Negeri Di Bawah Bayu sebagai kemuncak dalam usaha Kerajaan memperkenalkan dan mewar-warkan Pelan Tindakan Pemerksaan Ibu Tunggal kepada semua pihak

berkepentingan. Roadshow ini telah menjelajah ke seluruh Malaysia bermula di negeri Selangor bagi Zon Tengah (Selangor & Perak), negeri Terengganu bagi Zon Pantai Timur (Terengganu & Kelantan), negeri Kedah bagi Zon Utara (Pulau Pinang, Kedah & Perlis), negeri Sarawak dan negeri Pahang agar ibu tunggal di setiap pelusuk Negara sedar dan mengetahui akan Pelan Tindakan ini.

10. Alhamdulillah, kita seharusnya berasa bersyukur mempunyai Perdana Menteri yang sentiasa peka dan fokus dalam memastikan aspek kesejahteraan setiap golongan masyarakat, termasuklah golongan Ibu Tunggal tidak dilupakan dalam kita menongkang arus pembangunan Negara. Apabila kita perkatakan berkenaan Kesejahteraan Ibu Tunggal, ianya merupakan subjek yang meluas dan saling berbalik kepada keperluan Ibu Tunggal yang berbeza mengikut ibu tunggal itu sendiri, baik di bandar mahupun di luar bandar.
11. Saya yakin sebagai seorang ibu tunggal banyak persoalan yang bermain di minda dalam meneruskan kehidupan harian antaranya bantuan kewangan, kaunseling, bantuan guaman bagi tuntutan hak-hak seorang ibu tunggal seperti harta sepencarian, hadhanah, fara'id, kursus dan peluang perniagaan bagi memperkasakan ekonomi ibu tunggal dan bermacam-macam lagi.
12. Justeru pada 22 Oktober 2015, Kerajaan telah melancarkan **Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal** yang merangkumi **19 langkah strategik berdasarkan 3 teras utama iaitu memperkasa ekonomi, meningkatkan kesejahteraan sosial dan meningkatkan pelaksanaan penyelidikan dan penyelarasan pembangunan ibu tunggal.**
13. Dalam erti kata lain, Pelan Tindakan ini meliputi pelbagai langkah strategi dalam membantu ibu tunggal dari hari pertama bergelar ibu tunggal seperti bantuan kewangan, khidmat nasihat dan kaunseling sehinggalah seseorang ibu tunggal dapat berdiri sendiri melalui latihan dan peluang kerjaya, latihan

perniagaan dan sumber modal bagi memula atau mengembangkan perniagaan. Pelan tindakan ini turut menfokuskan kepada aspek kajian dan penyelidikan bagi membantu kerajaan lebih memahami isu-isu berkaitan ibu tunggal.

14. Adalah menjadi harapan saya agar para hadirin memahami aspirasi yang terkandung di dalam Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal seperti yang telah dibentangkan pada slot sebentar tadi dan yakinlah bahawasanya Kerajaan tidak memandang enteng kepada keupayaan ibu tunggal sebagai salah satu golongan yang akan menyumbang kepada ekonomi dan pembangunan Negara.
15. Pelan Tindakan ini bukanlah satu pelan tindakan yang '*rigid*', sebaliknya ianya merupakan satu pelan tindakan yang boleh kita bentuk mengikut keperluan golongan ibu tunggal. Oleh yang demikian, pandangan, lontaran idea dan maklum balas daripada hadirin amat diharapkan, kami telah mendengar suara dan pendapat dari negeri-negeri di Zon Tengah, Zon Pantai Timur, Zon Utara, Zon Selatan, negeri Pahang dan negeri Sarawak dan hari ini saya mohon ibu-ibu tunggal negeri Sabah untuk menyuarakan pandangan dan idea di sesi dialog sebentar lagi yang akan membantu KPWKM memantapkan lagi pelan tindakan tersebut.

Hadirin yang saya hormati,

16. **Sehingga Mac 2016**, pangkalan data Ibu Tunggal yang dibangunkan **Jabatan Pembangunan Wanita merekodkan pendaftaran ibu tunggal** sebanyak **82 200** yang mana **5 429** merupakan **Ibu Tunggal dari negeri Sabah**. Sepanjang roadshow ini diadakan, pihak JPW telah menerima sejumlah 750 pendaftaran baru oleh para Ibu Tunggal. KPWKM menghargai kerjasama para ibu tunggal serta pihak NGO yang telah membantu mendaftarkan ibu tunggal dan rakan-rakan media yang sering memberikan liputan sepanjang

roadshow dalam membantu pihak KPWKM menyebarkan agenda Pelan Tindakan Pemerksaan Ibu Tunggal ke seluruh Negara.

17. Adalah menjadi harapan saya agar kerjasama pihak Persatuan Ibu Tunggal dan pihak-pihak berkepentingan dalam membantu memastikan para ibu tunggal mendaftar bersama JPW tidak akan berhenti setakat di roadshow sahaja. Malah saya menyeru pihak Persatuan dan pihak-pihak yang berkepentingan untuk lebih fokus dalam mendaftarkan para ibu tunggal melalui Portal MyWanita, di laman sesawang www.mywanita.gov.my atau datang sahaja ke salah satu daripada lima belas (15) buah Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) di seluruh Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak.
18. Di samping itu, KPWKM juga akan mewujudkan One Stop Centre khusus bagi ibu tunggal di UTC seluruh negara bermula pada Jun 2016 sebagai salah satu inisiatif mewujudkan aksesibiliti kepada ibu tunggal yang ingin mendaftar dan mendapatkan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan ibu tunggal.

Hadirin yang saya hormati,

19. Sebagai memperkukuhkan lagi pelaksanaan Pelan Tindakan Pemerksaan Ibu Tunggal ini, satu *Task Force* yang terdiri daripada 34 agensi Kerajaan, institusi pengajian tinggi, NGO dan Sektor swasta antaranya Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Bantuan Guaman, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Majlis Pertubuhan Ibu Tunggal Kebangsaan Malaysia, NCWO, Amanah Iktihar Malaysia, TEKUN dan lain-lain lagi. Untuk makluman hadirin, Task Force yang dipengerusikan oleh saya sendiri akan mengadakan mesyuarat pertama bagi tahun 2016 pada 28 April nanti.
20. Sebagai permulaan Task Force ini akan dipecahkan kepada 3 *technical working group* berdasarkan setiap teras strategik bagi memperincikan

maklumbalas yang terkumpul sepanjang roadshow dilaksanakan. Maklumbalas-maklumbalas tersebut akan dijadikan input terkini penambahbaikan tindakan-tindakan yang perlu dilakukan bagi merealisasikan pelan tindakan ini.

Hadirin yang saya hormati,

21. Sebelum mengakhiri ucapan pagi ini, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) Ibu Pejabat dan Jabatan Hal Ehwal Wanita Negeri Sabah yang telah berusaha gigih bagi merealisasikan program ini. Sekalung penghargaan serta ucapan terima kasih kepada ahli-ahli panel, rakan strategik KPWKM, Agrobank dan hadirin sekalian yang telah menjayakan jelajah program disepanjang Roadshow Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal.
22. Akhir kata, adalah menjadi harapan saya agar ibu tunggal dan badan NGO yang berkaitan sentiasa memberikan sokongan yang utuh kepada Kerajaan dalam melaksanakan Pelan Pemerkasaan Ibu Tunggal. Saya yakin dengan kerjasama yang erat oleh ibu tunggal dan badan NGO serta kementerian-kementerian dan agensi kerajaan dan pihak swasta yang berkaitan, perjuangan kita dalam mendayaupaya dan memperkasa golongan ibu tunggal akan dapat direalisasikan.

Serikandi gagah berkuda pedati,
Tanpa getir menempuh halangan;
Ayuh kita bersatu hati,
Satu matlamat satu perjuangan

23. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan *Roadshow* Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal Negeri Sabah pada hari ini.

Sekian, terima kasih.